

Article Info:

Published Date: 18 August 2022

*Corresponding Author: wannu829@uitm.edu.my

**Karya Seni Visual dalam Konteks Pasca COVID-19 di Malaysia: Interpretasi Simbol bagi
Catan terpilih “Transit 1×1: Online Exhibition”**

*Visual Arts in the Context Of Post COVID-19 in Malaysia: Interpretation of Symbols for selected
Artworks “Transit 1X1: Online Exhibition”*

Rosmidahanim Razali¹, *Wan Nurhasyimah W. Mohd Apan², Hilal Mazlan³, Syed Alwi Syed
Abu Bakar⁴, Mohd Nafis Saad⁵

^{1,2,3,4,5}Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

To cite this article (APA): Razali, R., W. Mohd Apan², W. N., Mazlan, H., Syed Abu Bakar, S. A. S. A. B., & Saad, M. N. (2022). Visual Arts in the Context Of Post COVID-19 in Malaysia: Interpretation of Symbols for selected Artworks “Transit 1X1: Online Exhibition”. *KUPAS SENI*, 10, 104-111. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.10.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.2.10.2022>

ABSTRAK

Seni catan berfungsi sebagai medium komunikasi untuk menceritakan sesuatu peristiwa atau menyampaikan maksud sesuatu konteks penceritaan yang melibatkan idea, gaya, dan makna oleh artis seni visual. Dengan itu, seni catan juga membolehkan pengkarya seni mengekspresi emosi dan merakamkan gambaran fikiran melalui imej visual yang diterjemahkan kepada karya seni. Pengkaji mendapati bahawa peristiwa COVID-19 yang berlaku pada ketika itu memberi kesan terhadap masyarakat bahkan pengkarya seni juga terkesan terutama perkembangan kehidupan yang melibatkan kehidupan sosial, budaya, ekonomi, politik, psikologi, teknologi dan komunikasi. Oleh kerana implikasi peristiwa yang berlaku itu, artis mula menghasilkan karya yang mencerminkan pengalaman atau pandangan yang berkisar dengan peristiwa pandemik COVID 19. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan memahami bentuk dan makna bagi simbol yang digunakan dalam karya seni catan oleh Husin Othman, Shafiq Nordin dan Aimi Atikah Roslan dalam konteks pasca COVID-19 di Malaysia. Karya ini adalah seleksi daripada pameran *Transit 1×1: Online Exhibition*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data seperti observasi, dokumentasi dan temubual pengkarya seni. Hasil daripada analisis kajian ini, pengkaji mendapati simbol yang digunakan oleh setiap artis ini jelas menunjukkan penggunaan ekspresi diri terhadap fenomena yang berlaku sewaktu peristiwa COVID-19. Secara kesimpulannya, karya yang dihasilkan oleh artis seni catan ini menggunakan simbol yang berbeza sebagai medium ekspresi bagi menyampaikan mesej dalam karya seni.

Kata kunci: Simbol, karya seni, COVID-19

ABSTRACT

Painting can be used as a communication medium to explain an event or to express the meaning by visual art using a storytelling framework that involves ideas, style, and meaning. Painting is an art form that allows the artist to capture their thoughts and feelings through visual images that are then transformed into works of art. Along with this ability, the artist is also able to convey their feelings through their paintings. The study conducted by the researcher came to conclusion that the Covid-19 event that took place at that time influenced society. The study also found that artists were influenced by the event, particularly regarding the progression of life in the areas of social life, culture, economy, politics, psychology, technology, and communication. Artists started producing works that reflected their own experiences or viewpoints that revolved around the events that took place during the Covid-19 pandemic because of the ramifications of the events that took place. This artwork is a selection from the exhibition Transit 1x1: Online Exhibition. The purpose of this study is to analyze and understand the form and meaning of the symbols used in the works of painting by Husin Othman, Shafiq Nordin, and Aimi Atikah Roslan in the post Covid-19 context in Malaysia. These paintings were created by Husin Othman, Shafiq Nordin, and Aimi Atikah Roslan. This study makes use of qualitative research methods, such as observation, documentation, and interviews with artists. These approaches are employed in the collecting of data for this study. As a result of the analysis of this study, the researcher found that the symbols used by each of these artists clearly show the use of self-expression against the phenomenon that occurred during the Covid-19 event. This was found to be the case because the symbols clearly show how the artists were reacting against the phenomenon. In conclusion, the works that this painter has produced use a variety of symbols as a medium of expression to convey the message that is intended to be conveyed through the artwork.

Keywords: *Symbol, visual art, post COVID-19*

PENGENALAN


Pandemik Covid-19 memberi satu tamparan hebat kepada Malaysia. Virus korona yang mengorbankan ramai orang berlaku di Bandar Wuhan, Wilayah Hubei negara China pada penghujung Disember 2019 telah merebak dengan pantas ke seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia. Pada 31 Januari 2020 World Health Organization (WHO) mengumumkan koronavirus sebagai darurat kesihatan kepada dunia. Hasil daripada jumlah kes yang telah direkodkan pada setiap hari bermula dari gejala berlakunya korona virus tersebut telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara di setiap negara sehinggakan (WHO) telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Junaidi Mansor & Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim (2020) akibat daripada penularan wabak yang begitu pantas telah memberi kesan drastik kepada perkembangan ekonomi negara, kesihatan awam termasuk juga pasaran buruh. Matlamat yang pernah direncanakan untuk melihat Malaysia berkembang maju kelihatan meleset justeru terpaksa mengambil masa untuk kembali pulih. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada hari ini negara kita masih lagi bertempur dengan virus korona.

Penularan wabak Covid-19 yang melanda Malaysia sejak tahun 2020 kini semakin menghampiri genap dua tahun. Merujuk laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) laporan terkini yang di umumkan sehingga 12 Julai 2022 mencatatkan jumlah kes baharu sebanyak 2345, manakala kes aktif sebanyak 35716 dan kumulatif kes Covid-19 telah mencapai 4,524,727. Walaupun Malaysia kini telah memasuki fasa peralihan endemik namun suasana hidup dalam norma baharu perlu ditempuh dan harapan untuk melihat Malaysia kembali seperti sediakala tampaknya masih belum ada petunjuk. Dalam konteks seni visual, isu gejala Covid-19 yang melanda Malaysia telah menarik minat penggiat seni tempatan dari pelbagai peringkat usia untuk turut bersama-sama mengambil kesempatan berkongsi pengalaman, idea, pandangan dan perasaan sepanjang tempoh pandemik. Pelbagai bentuk dan jenis karya seni visual yang muncul di ruang media sosial sebagai tindak balas terhadap isu wabak koronavirus (Issarezal Ismail dkk, 2021). Karya seni yang diciptakan itu sebagai satu bentuk ekspresi dan dipamerkan kepada masyarakat. Perkembangan seni pada hari ini seiring dengan perkembangan teknologi. Tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi pada era kini telah banyak memberi kemudahan komunikasi kepada seluruh masyarakat di serata dunia. Segala penyaluran maklumat dapat disalurkan dengan pantas dan menjimatkan masa. HOM Art

Trans adalah sebuah galeri seni yang menjadikan platform laman sosial sebagai tempat mempamerkan karya seni visual berkonsepkan dalam talian (*online*). Antara pameran yang berlangsung adalah pameran bertajuk *Transit 1x1: Online Exhibition*. Seramai 50 orang penggiat seni tempatan mengambil peluang mempamerkan karya seni visual mereka. Dalam kajian ini, seramai 3 orang penggiat seni telah dipilih daripada pameran bertajuk *Transit 1x1: Online Exhibition* dan diantaranya ialah Husin Othman, Shafiq Nordin dan Aimi Atikah Roslan. Karya seni visual yang dipilih adalah berkisarkan kepada fenomena Covid-19 yang berlaku pada tahun 2021. Objektif kajian ini adalah untuk (i) menganalisis karya seni visual semasa fenomena Covid-19 dan (ii) Memahami bentuk dan maksud disebalik simbol yang di visualkan. Justeru itu, sumbangan dari hasil kajian yang dijalankan ini dapat membantu untuk memahami dengan jelas terhadap bentuk dan makna yang disampaikan dalam karya-karya mereka. Disamping itu juga, diharapkan penulisan ini dapat memberi manfaat kepada para akademik khususnya dan panduan kepada masyarakat di luar untuk memahami tentang karya seni visual dan amalan praktis. Selain itu, kajian ini dapat memberi inspirasi dan idea untuk berkarya.

METODOLOGI

Kajian seni secara umumnya memiliki kriteria yang wujud dalam kajian kualitatif (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2011: 46). Kajian ini melibatkan kaedah kajian observasi, dokumentasi dan temubual bersama pengkarya seni. Berdasarkan *Transit 1x1: Online Exhibition*, sejumlah 50 buah karya seni visual telah dipilih dan dipamerkan secara dalam talian (*online*) di HOM Art Trans. Dalam kajian ini, hanya 3 buah karya seni visual sahaja dipilih untuk dianalisis. Kriteria utama yang menjadi panduan pemilihan karya seni visual adalah bersandarkan kepada tema yang menyentuh tentang isu Covid-19. Antara 3 penggiat seni yang dipilih untuk dianalisis karya seni visual mereka ialah Husin Othman, Shafiq Nordin dan Aimi Atikah Roslan.



Rajah1: Kerangka konseptual karya seni visual *Transit 1x1: Online Exhibition*

Rajah 1 merupakan kerangka konseptual karya seni visual *Transit 1x1: Online Exhibition* sebagai rujukan penyelidikan dalam kajian simbol untuk memahami bentuk dan makna dalam karya seni. Berdasarkan kepada rajah 1 karya seni visual merujuk lingkaran putih yang telah dipilih daripada pameran *Transit 1x1: Online Exhibition* diletakkan di posisi tengah kerangka konseptual sebagai objek analisis kajian. Seterusnya, merujuk lingkaran ungu iaitu penggunaan simbol dan tanda dapat dikenalpasti berdasarkan objek yang digunakan dalam karya seni visual. Interpretasi makna simbol dalam karya boleh dibaca dengan lebih terbuka oleh pengkritik seni. Walaubagaimanapun, interpretasi makna bagi simbol yang digunakan dalam karya itu boleh selari atau seiring dengan daya pemikiran pengkarya seni dan ia

bersifat *arbitrary*. Merujuk lingkaran hijau merupakan kefahaman terhadap konteks bagi sesuatu perkara merangkumi kepada latar belakang atau keseluruhan keadaan yang melibatkan aspek peristiwa atau sejarah, pengalaman artis, sosial & budaya dan konsep. Bagi lingkaran kelabu menjelaskan tentang interpretasi makna atau isi berdasarkan daripada simbol objek yang digunakan oleh artis dalam karya seni. Pengertian maksud yang diperoleh daripada simbol yang digunakan dalam karya seni visual melibatkan aspek konteks.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menurut Rohendi (2011) simbol dapat dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu kata benda, kata kerja, dan kata sifat. Simbol yang diwakili oleh kata benda adalah seperti barang atau objek manakala kata kerja adalah sesuatu yang berfungsi sebagai menggambarkan, menggantikan dan memanipulasi. Simbol yang menjelaskan kepada kata sifat adalah berupa sesuatu yang lebih bermakna atau bernilai. Menurut Eizah Mat Hussain (2019) menjelaskan Simbol sebagai imej yang menimbulkan objek sebenar, konkrit dan daripada objek sebenar itu pula menyoroti kepada maksud atau pengertian yang lain. Dapat dijelaskan di sini, simbol boleh ditafsirkan berdasarkan kepada imej daripada objek yang dijelmakan dalam karya seni. Objek yang divisualkan itu, adalah berperanan sebagai bentuk untuk menggambarkan atau menggantikan sesuatu makna yang baharu. Pandangan terhadap makna juga dikongsi oleh Liza Marziana (2015) yang menjelaskan bahawa makna adalah kenyataan yang bersifat intelektual yang melibatkan ekspresi yang dicipta oleh pengkarya dan diterjemahkan oleh pemerhati. Oleh itu, makna adalah sesuatu yang bersifat intersubjektif atau boleh diertikan sebagai dihayati secara bersama, diterima dan dipersetujui oleh masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat konteks menjelaskan tentang keseluruhan keadaan atau latar belakang yang mempunyai kaitan dengan penceritaan yang disampaikan. Dengan itu, konteks melibatkan keadaan, peristiwa dan situasi yang melibatkan pengalaman pengkarya seni.



Rajah 2: Belum Bebas, Husin Othman, Akrilik, Galvanika di atas kanvas, 30.48 x 30.48 cm, 2021

Berdasarkan rajah 2 karya catan bertajuk “Belum Bebas ” dihasilkan oleh artis Husin Othman menampilkan imej rama-rama sebagai simbol kepada kebebasan. Kita sedia maklum, kehidupan seekor rama-rama itu bebas berterbangan. Rata-rata artis menggunakan simbol sebagai satu cara mengekspresikan perasan, emosi dan pengalaman diri (Maria Krisnawati, 2014). Ahmad Shukri Mohamed merupakan salah seorang artis yang menggunakan subjek rama-rama sebagai simbol kebebasan di dalam karya yang bertajuk “*Composition – Butterflies* (2010)”. Fenomena pandemik Covid-19 yang melanda negara Malaysia sehingga membatasi pergerakan dan menyekat kehidupan untuk hidup secara bebas tanpa sekatan telah

menarik jiwa Husin Othman untuk menghasilkan sebuah karya seni berimejkan rama-rama sebagai simbol luahan perasaan. Keinginan untuk hidup kembali secara normal seperti seekor rama-rama masih belum ada petunjuk.

Simbol adalah satu bentuk komunikasi antara pengkarya dan penghayat. Sapuan akrilik berwarna coklat lembut dan krim di atas dawai berjaring diletakkan pada permukaan kanvas di rajah 2 Aplikasi warna lembut pada latar belakang karya Husin Othman mewujudkan unsur ketenangan yang menggambarkan keperibadian beliau masih dalam keadaan terkawal sepanjang tempoh Covid-19. Husin Othman merasakan peristiwa Covid-19 yang berlaku telah memberi kesan kepada kehidupan sosial dan emosi masyarakat Malaysia semasa tempoh berkurung dilaksanakan. Penegasan yang ditunjukkan melalui objek jaring besi berupa pagar merupakan simbolik kepada penjarakkan sosial. Tindakan mengambil langkah mengurung diri dan menjaga penjarakkan sosial di kawasan sesak adalah sangat penting bagi memastikan kepentingan keselamatan bersama agar kita terlindung daripada ancaman bahaya.



Rajah 3: *Meditation*, Shafiq Nordin, Akrilik di atas jut, 30 x 30 cm, 2021

Rajah 3 menunjukkan karya bertajuk “*Meditation*” ini merupakan salah satu karya terpilih daripada pameran *Transit 1x1: Online Exhibition* yang dipamerkan secara dalam talian (*online*) di HOM Art Trans pada tahun 2021. Karya catan yang dihasilkan oleh artis muda bernama Shafiq Nordin membawa isu pandemik Covid-19 sebagai tema dalam berkarya. Merujuk kepada rajah 3, imej yang ditampilkan pada catan akrilik di atas jut ini berupa karakter seekor arnab yang berpakaian sut angkasawan sedang bermeditasi divisualkan dalam bentuk visual satira. Satira bermaksud satu perasaan yang menyatakan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara (Badrul Redzuan Abu hassan dan Nurhafizoh idris, 2020). Oleh itu, pengkarya telah mengadaptasi simbol arnab ini dalam bentuk sinikal. Karya bertajuk meditasi ini, digayakan dalam bentuk pop-surrealis dan menggunakan warna-warna (*pop art*). Meditasi merupakan satu praktis relaksasi atau teknik untuk menghilangkan rasa tekanan difikiran dan perasaan cemas yang dihadapi dalam diri seseorang (Tresno Saras, 2021). Melihat dalam konteks fenomena Covid-19 yang menimpa Malaysia pada tahun 2021, satu arahan perintah berkurung telah di keluarkan bagi membendung diri dari dijangkiti wabak Covid-19. Kesan daripada perintah berkurung oleh Kementerian Malaysia menyebabkan aktiviti sosial masyarakat menjadi terbatas. Konsep dan idea meditasi yang diolah dalam catan beliau sebagai satu alternatif bagi menghindari perasaan negatif, meningkatkan kesedaran diri dan mampu memberi ketenangan dalam diri seseorang.

Visual karakter ini jelas menunjukkan sut angkawasan yang divisualkan menampilkan konsep persamaan seperti sut perlindungan peribadi (PPE) yang dipakai oleh pasukan petugas khas Covid-19

frontliner sebagai perlindungan diri. Visual sut angkasawan itu adalah simbolik kepada perlindungan diri dari dijangkiti virus Covid-19. Pengkarya merasakan teks “SURVIVOR” ini menjelaskan bahawa artis mampu mengharungi cabaran hidup semasa tempoh berkurung. Penggunaan warna merah pada tulisan tersebut memberi simbol kekuatan pada diri artis. Hal ini disokong oleh pernyataan Fariz Sakina Abullah (2018) menyatakan secara psikologi warna merah adalah simbol kepada kekuatan dan tenaga. Berdasarkan dari penjelasan di atas, dapat dinyatakan bahawa visual meditasi yang digambarkan secara visual satira adalah simbol kepada diri Shafiq Nordin. Bagi pandangan pengkaji, Shafiq Nordin cuba menyatakan walaupun masyarakat di Malaysia telah pun divaksin keberangskalian untuk dijangkiti semula virus Covid-19 adalah sangat tinggi. Hal ini dapat dilihat pada visual telinga arnab yang ditandai dengan simbol X pada bulatan kuning. Faktor untuk dijangkiti semula boleh berlaku sekiranya masyarakat tidak mengekalkan penjarakkan sosial di tempat awam, tidak memakai pelindung muka dan tidak menjaga kebersihan diri.



Rajah 4: The Still Life of “A - I - M - I”, Aimi Atikah Roslan, Cat Minyak di atas Kanvas, 30 x 30 cm, 2021

Rajah 4 merupakan karya terakhir yang dipilih daripada pameran *Transit 1x1: Online Exhibition* bertajuk “*The Still Life of A-I-M-I*”. Karya seni yang dihasilkan oleh artis bernama Aimi Atikah mempamerkan visual berbentuk objek geometri iaitu lastik dan kotak coklat daripada M&M’s. Kedua-dua objek yang divisualkan dalam catan beliau adalah mewakili kepada benda mati atau tidak bernyawa. Kebiasaannya golongan seni akan menggelar susunan objek ini sebagai “*still life*”. Istilah lain yang boleh dijelaskan disini adalah objek yang tidak bergerak. Karya catan cat minyak yang dipamerkan oleh Aimi Atikah adalah berbentuk objek berskala kecil dan barang yang boleh dilihat di persekitaran beliau sendiri. Alat permainan lastik yang digunakan dalam karya beliau berkemungkinan adalah milik anaknya. Berdasarkan kepada susun atur komposisi yang diolah, kedua-dua objek ditempatkan di tengah-tengah kanvas bagi menunjukkan kesan keseimbangan pada kedua-dua objek tersebut. Selain itu, pemilihan warna adalah antara faktor terpenting bagi mendapatkan impak kepada pemerhati. Melihat kepada bekas M&M’s kelihatan Aimi Atikah masih mengekalkan sifat asal tanda warna merah dan simbol M&M’s. Sapuan cat minyak berwarna panas seperti merah dan oren serta sedikit sentuhan berwarna sejuk seperti ungu kelihatan bersatah menimbulkan kesan kontras pada karya catan beliau. Manakala pada visual lastik, beliau menitik beratkan unsur seni dari aspek bentuk supaya kadar banding yang dilukis adalah tepat. Kesan garisan dan sapuan warna yang pelbagai, membentuk karektor objek yang dilukis.

Berdasarkan rajah 4, karya tersebut dihasilkan pada tahun 2021. Ia merupakan gagasan yang tercetus dari fenomena pandemik Covid-19 bermula pada tahun 2020. Perintah kawalan pergerakan (PKP) telah merencatkan kehidupan sosial beliau sehingga menyebabkan sepanjang tempoh (PKP) dipenuhi

dengan aktiviti di rumah seperti menghias dan menyusun semula barang-barang sedia ada. Tindakan dari aktiviti tersebut adalah sebagai satu cara bagi mengurangi rasa tekanan dalam diri beliau. Tidak hairanlah mengapa beliau memilih objek berkonsepkan *still life* sebagai tema dalam berkarya. Jika diamati dengan teliti, objek yang divisualkan oleh beliau mempunyai sifat dan karektor tersendiri sebagai bentuk komunikasi untuk mengekspres pengalaman dan emosi sewaktu Covid-19. Kesan tanda teks “A - I - M - I” dibahagian tengah catan di antara kotak M&M’s dan lastik membuktikan karektor M&M’s ini adalah simbol kepada diri beliau.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis karya seni visual semasa fenomena Covid-19 bagi memahami bentuk dan makna disebalik simbol yang di visualkan oleh artis. Oleh itu, penggunaan simbol dapat dikenalpasti sebagai alat untuk menyampaikan makna dalam karya. Karya yang dihasilkan oleh artis seni catan ini menggunakan simbol yang berbeza sebagai medium ekspresi bagi menyampaikan mesej dalam karya seni. Pengkaji mencadangkan kajian ini dapat diteruskan terhadap kajian dalam bidang seni arca dan seni cetak bagi penggunaan simbol dalam penghasilan karya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penerbit dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang memberi peluang untuk menerbitkan artikel bagi tahun ini. Seterusnya penulis ingin menyampaikan penghargaan kepada Aimi Atikah kerana memberi kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Badrul, R. A. H., & Nur, H. I. (2020). Analisis Dekonstruktif Terhadap Satira Sosiobudaya dan Politik dalam Filem Lelaki Harapan Dunia (2014). Diperoleh semula daripada <http://journalarticle.ukm.my/16085/1/42730-137341-1-PB.pdf>
- Belinda, S. D., & M, A. R. (2018). Kajian Lukisan Still Life Jelekong. Penerbitan dalam talian Doi: <http://dx.doi.org/10.26742/atrat.v6i1.574>
- Berita Harian. (2020). Kronologi COVID-19 di Malaysia. Diperoleh semula daripada <http://www.bharian.com.my/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>.
- Berita Harian. (2021). COVID-19 Beri Impak Kesihatan Mental - Dr Noor Hisham. Diperoleh semula daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862185/covid-19-beri-impak-kesihatan-mental-dr-noor-hisham>
- Berita RTM. (2022). Kumulatif Kes COVID-19 di Malaysia mencecah 4, 524 727. Diperoleh semula daripada <https://berita.rtm.gov.my/index.php/covid-19/41615-kumulatif-kes-covid-19-di-malaysia-mencecah-4-524-727>.
- Danang, N. D. F. A., & Abiyasa, D. P., (2021). Fenomena Badut Sedih : Sebuah Kajian Stakeholder Theory JIP (Jurnal Industri dan Perkotaan) Volume 16 Nomor 2/Agustus 2020.
- Fariz, S. A. (2018). Warna dan Psikologi. Diperoleh semula daripada <http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>
- Eizah Mat Hussain. (2019). Simbol dan Makna Dalam Pantun Melayu. Kuala Lumpur: Intitut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Issarezal, I. (2021). Mesej Simbolik Di Sebalik Karya Seni Visual Bertajuk Wira Oleh Haris Abadi Abd Rahim Dalam Konteks Fenomena Covid-19. Universiti Malaysia Sabah: Akademi Seni dan Teknologi Kreatif Penerbitan dalam talian Doi: <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.3671>

- Junaidi, M. & Mohd, A. Ra. A. R. (2020). Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik Untuk Belia. Kuala Lumpur. Khazanah Research Institute Kementerian Kesihatan Malaysia (2022). Covid-19 terkini. Diperoleh semula daripada <https://covid-19.moh.gov.my/info-terkini/covid-terkini>
- Liza, M. M. Noh., Hamdzun, H., & Jasni, D (2015). Analisis Formalistik Dalam Memaknai Simbol Budaya Melayu. Diperoleh semula daripada doi.org/10.47252/teniat.v3i2.323
- Maria, K. (2014). Kajian Tentang Simbol Batik Semen Rama Bagi Kehidupan Masyarakat Jawa. Diperoleh semula daripada Doi: <https://doi.org/10.15294/teknobuga.v1i2.6411>
- Mimi, S. (2021). Kisah Pandemik Melakar Khazanah Seni di Transit 1 x 1. Diperoleh semula daripada <https://baskl.com.my/kisah-pandemik-melakar-khazanah-seni-di-transit-1-x-1/>
- Mohamed, N. R. M. A., & Muhammad, W. R. (2020). Pandemik Dalam Karya Sastra: Ceritera Ceritera Kehidupan Manusia. Malaysia: Universiti Utara Malaysia
- Tjetjep, R. R. (2011). Metodologi Penelitian Seni. Indonesia: Penerbit Cipta Prisma Nusantara Semarang.
- Tresno, S. (2021). 10 Teknik Meditasi Untuk Kesehatan Jiwa Dan Raga. Indonesia: Tiramed